

BAB KETIGA

***Definisi Al-Faṣl Dan Al-Waṣl Serta
Fungsinya Dalam Ayat***

BAB KETIGA

DEFINISI AL-FAṢL DAN AL-WAṢL SERTA FUNGSINYA DALAM AYAT

3.0 Pendahuluan

Berkata Al-Jurjānīy di dalam 'Dalā'il Al-I'jāz' yang bermaksud :
"Ketahuilah bahawa pengetahuan membuat ayat termasuk 'aṭaf antara satu
ayat dengan yang lain dengan huruf 'aṭaf yang tertentu atau meninggalkan
penggunaannya merupakan antara rahsia-rahsia ilmu balāghah itu yang
tidak dapat diketahui melainkan oleh orang-orang Arab yang tulen
(الأعرابُ الخُلصُ) atau oleh orang-orang yang menguasai ilmu balāghah".

(Al-Jurjānīy : 1989 , 222)

Tidak hairanlah kita dengan kata-kata sesetengah para cendekiawan
apabila ditanya apakah ilmu *balāghah* itu ? Lalu mereka menjawab yang
bermaksud : "Penguasaan terhadap kaedah Al-Faṣl dan Al-Waṣl". (Al-
Jurjānīy : 1989, 222, Al-Jāhīz : 1995, 1/87). Kenyataan seperti ini walaupun
berbentuk *mubālaghat* (مُبَالَغَةٌ) tetapi sebenarnya ia ingin menggambarkan
kepentingan menguasainya. (Ṣabbāḥ Abīd Darāz : 1986 , 16-17).

3.1 Definisi *Al-Faṣl*

Al-Faṣl dari sudut bahasa diambil dari kata kerja (فَصَلَ) yang mengandungi beberapa pengertian iaitu **memotongkan** atau **menjauhkan** atau **memutuskan** . Perkataan ini juga turut membawa erti **keluar** . (Al-Khalīl Al-Naḥwīy : 1991 , 379) .

Dalam kamus *Lisān al-Arab* (لِسَانُ الْعَرَبِ) diterangkan bahawa lafaz *al-Faṣl* (الْفَصْلُ) mengandungi makna yang sangat banyak bergantung pada konteks ayat . Antara maksud yang dinyatakan oleh pengarang tersebut yang relevan dengan kajian penulis ialah **memisahkan antara dua atau terputus** . Beliau menyebut :

فَصَلَ بَيْنَهُمَا يَفْصِلُ فَصْلًا فَانْفَصَلَ وَفَصَلْتُ الشَّيْءَ فَانْفَصَلَ أَي قَطَعْتُهُ فَانْقَطَعَ .

Maksudnya : **Memisahkan antara keduanya lalu terpisahlah ia dan saya memisahkan benda itu lalu terpisahlah ia iaitu saya memutuskannya lalu terputuslah ia** . (Ibn Manẓūr Al-Ifriqīy Al-Miṣrīy : 1994 , 11 / 521 - 522)

Mahmud Yunus pula menterjemahkan kata kerja '*faṣala*' itu sebagai **menceraikan atau memisahkan sesuatu** (Mahmud Yunus : 1973 , 317) .

Menurut kamus Arab-Inggeris *Al-Mawrid* pula , Rūḥī Al-Ba'labakī menjelaskan bahawa *faṣl* (فَصْلٌ) mengandungi beberapa erti iaitu :

separation , partition , disconnection , disjunction , detachment dan lain-lain . (Rūhī Al-Ba'labakiy : 1992 , 827).

Dalam Al-Quran pula kita melihat perkataan ini ada digunakan oleh Allah s.w.t di beberapa tempat . Penulis cuma memilih beberapa ayat sahaja. Sebagai contohnya firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 249 iaitu :

فَلَمَّا فَصَلَ طَالُوتُ بِالْجُنُودِ قَالَ إِنَّ اللَّهَ مُبْتَلِيكُمْ بِنَهَرٍ فَمَنْ شَرِبَ مِنْهُ فَلَيْسَ مِنِّي وَمَنْ لَمْ يَطْعَمْهُ فَإِنَّهُ مِنِّي إِلَّا مَنْ اغْتَرَفَ غُرْفَةً بِيَدِهِ فَشَرَبُوا مِنْهُ إِلَّا قَلِيلًا مِنْهُمْ فَلَمَّا جَاوَزَهُ هُوَ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَهُ قَالُوا لَا طَاقَةَ لَنَا الْيَوْمَ بِجَالُوتَ وَجُنُودِهِ قَالَ الَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُمْ مُلَاقُوا اللَّهَ كَمَ مِنْ فِتْنَةٍ قَلِيلَةً غَلَبَتْ فِتْنَةٌ كَثِيرَةً بِإِذْنِ اللَّهِ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ (٢٤٩)

Maksudnya : *"Kemudian apabila Ṭālūt keluar bersama-sama tenteranya, berkatalah ia: "Sesungguhnya Allah akan menguji kamu dengan sebatang sungai, oleh itu sesiapa di antara kamu yang meminum airnya maka bukanlah ia dari pengikutku, dan sesiapa yang tidak merasai airnya maka sesungguhnya ia dari pengikutku, kecuali orang yang menceduk satu cedukan dengan tangannya". (Sesudah diingatkan demikian) mereka meminum juga dari sungai itu (dengan sepuas-puasnya), kecuali sebahagian kecil dari mereka. Setelah Ṭālūt bersama-sama orang-orang yang beriman menyeberangi sungai itu, berkatalah orang-orang yang meminum (sepuas-puasnya): "Kami pada hari ini tidak terdaya menentang Jālūt dan tenteranya". Berkata pula orang-orang yang yakin bahawa mereka akan menemui Allah:*

"Berapa banyak (yang pernah terjadi), golongan yang sedikit berjaya menewaskan golongan yang banyak dengan izin Allah; dan Allah (sentiasa) bersama-sama orang-orang yang sabar".(Al-Baqarah: 249)

Dalam surah Yūsuf ayat ke 94 pula Allah berfirman :

وَلَمَّا فَصَلَتِ الْعِيرُ قَالَ أَبُوهُمْ إِنِّي لَأَجِدُ رِيحَ يُوسُفَ لَوْلَا أَنْ تُفَنِّدُونِ (٩٤)

Maksudnya ; 'Dan semasa kafilah **keluar** (mereka meninggalkan Mesir menuju ke tempat bapa mereka di Palestin), berkatalah bapa mereka (kepada kaum kerabatnya yang ada di sisinya): "Sesungguhnya aku ada terbau akan bau Yūsuf. Jika kamu tidak menyangka aku sudah nyanyuk (tentulah kamu akan percaya)". (Yūsuf : 94)

Dalam sebuah hadis Nabi Muhammad s.a.w ada menyebut :

فَصَلِّ لَا تَذَرْ وَلَا هَذَرْ

Maksudnya : **Perkara yang memisahkan** antara yang hak dan baṭil .

(Ibn Manẓūr : 1994 , 11 / 521).

Apabila kita meninjau definisi *Al-Faṣl* dari sudut *balāghah* pula , kita akan dapati hampir kesemua para ulama bahasa seperti Sibawaih , Al-Farrā` , Al-Jāhiz , Ibn Jinnīy dan lain-lain tidak membincangkan definisi *Al-Faṣl* secara jelas . (Munīr Sultān : 1983, 25, Faḍl Ḥasan Abbās : 1992 , 394, Ab. Azīz 'Atīq : t.t , 154-155) .

Hanya Al-Jurjānīy sahaja yang telah menyebut definisi *Al-Faṣl* ini secara terperinci dalam *Dalā'il Al-I'jāz* . Menurut beliau *Al-Faṣl* ialah : **Memisahkan sesuatu ayat dari yang lain disebabkan tiada keperluan menghubungkannya** (Al-Jurjānīy: 1989 , 223) .

Para ulama sebenarnya berbeza dari sudut istilah yang digunakan . Sībawaih dan Ibn Wahb sebagai contohnya, menggunakan istilah *Al-Qaṭ'* (حَذْفُ حَرْفٍ عَطْفِي) . Ibn Jinnīy pula menggunakan *ḥazf ḥarf 'aṭaf* (حَذْفُ حَرْفٍ عَطْفِي) sebagai merujuk kepada *al-Faṣl* . Walau apapun istilah yang digunakan , semuanya merujuk kepada *al-Faṣl* itu sendiri . (Munīr Sultān : 1983, 24–25) .

3.2 Definisi *Al-Waṣl*

Al-Waṣl dari sudut bahasa diambil dari kata kerja *waṣala* (وَصَلَ) yang bererti **sampai** atau **menyambung** . Mahmud Yūnus menjelaskan dalam kamusnya 'Kamus Arab Indonesia' perkataan ini bermaksud **sampai atau datang ke tempat** atau **menghubungkan** (Mahmud Yunus : 1973 , 500) .

Al-Khalīl Al-Naḥwīy turut memberi penjelasan yang hampir serupa . Beliau menyebut, '*waṣala*' bererti **menyambung** atau **menghimpun** atau **mengikat sesuatu dengan sesuatu yang lain** (Al-Khalīl Al-Naḥwīy : 1991 , 543) . Menurut Ibrahīm Anīs dan rakan-rakan , '*al-waṣl*' bererti penyambung . (Ibrahīm Anīs : 1972 , 1037) . Contohnya apabila dikatakan :

هَذَا وَصَلُ ذَلِكَ .

Maksudnya : Ini penghubung yang itu .

'*Al-Waṣl*' dalam bahasa Inggris pula mempunyai beberapa erti iaitu : *connecting, connection, linking, joining, juncture, uniting, attachment, pairing, coupling* dan lain-lain (Rūḥī Al-Ba'labakīy : 1992 , 1235).

Ibn Manẓūr menyebut : "**Waṣāla** bererti **menghubungkan** ". Beliau menyebut :

وَصَلَ الشَّيْءَ بِالشَّيْءِ يَصِلُهُ وَصَلًا وَصِلَةً وَصَلَّةً

Maksudnya: **Menyambungkan sesuatu dengan yang lain dan sambungan.**
(Ibn Al-Manẓūr : 1994 , 11 / 726)

Dalam Al-Quran, terdapat beberapa tempat Allah Ta'ala menggunakan perkataan ini untuk berbagai makna . Namun begitu penulis hanya akan menyenaraikan dua ayat sahaja yang mempunyai kaitan secara langsung dengan topik perbincangan iaitu yang mengandungi erti **perhubungan** . Sebagai contohnya firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 27 yang berbunyi :

الَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيثَاقِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ

وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ أُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ (٢٧)

Maksudnya : (Iaitu) orang-orang yang merombak (mencabuli) perjanjian Allah sesudah diperteguhkannya, dan memutuskan perkara yang disuruh Allah supaya **diperhubungkan**, dan mereka pula membuat kerosakan dan bencana di muka bumi. Mereka itu ialah orang-orang yang rugi". (Al-Baqarah :27)

Firman Allah s.w.t lagi dalam surah al-Ra'd ayat 21 :

وَالَّذِينَ يَصِلُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوءَ
الْحِسَابِ (٢١)

Maksudnya ; "Dan orang-orang yang **menghubungkan** perkara-perkara yang disuruh oleh Allah supaya dihubungkan, dan yang menaruh bimbang akan kemurkaan Tuhan mereka, serta takut kepada kesukaran yang akan dihadapi semasa soal jawab dan hitungan amal (pada hari kiamat)" .
(Al -Ra'd : 21)

Dalam sebuah hadis riwayat Abū Zar Al-Ghifārīy r.a beliau menyebut pesan Nabi Muḥammad s.a.w kepada beliau :

أَوْصَانِي خَلِيلِي أَنْ لَا أَنْظُرَ إِلَى مَنْ هُوَ فَوْقِي ، وَأَنْ أَنْظُرَ إِلَى مَنْ هُوَ دُونِي ،
وَأَوْصَانِي بِحُبِّ الْمَسَاكِينِ وَالذُّنُوفِ مِنْهُمْ ، وَأَنْ أَصِلَ رَجِيمِي وَلَوْ أَدْبَرْتُ ،
وَأَوْصَانِي أَنْ لَا أَخَافَ فِي اللَّهِ لَوْمَةَ لَائِمٍ ، وَأَوْصَانِي أَنْ أَقُولَ الْحَقَّ وَلَوْ كَانَ
مُرًّا ، وَأَوْصَانِي أَنْ أَكْثِرَ مِنْ قَوْلٍ : لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ ، فَإِنَّهَا كَنْزٌ مِنْ كُنُوزِ
الْجَنَّةِ .

Maksudnya : " Kekasihku (Rasulullah s.a.w) mewasiatkan kepadaku agar aku tidak memandang orang yang lebih tinggi dariku (pada sudut harta) tetapi hendaklah aku melihat orang yang lebih susah dariku , dan baginda mewasiatkan aku agar mencintai orang-orang miskin dan menghampiri mereka , dan **menghubungkan** silaturrahim walaupun aku dibelakangi , dan agar aku tidak takut celaan orang yang mencela dalam aku mentaati Allah ,

dan agar aku berkata tentang kebenaran walaupun pahit , dan mewasiatkanku agar memperbanyakkan menyebut "Lā ḥaula walā quwwata illā biLlah " kerana ia merupakan harta dari harta-harta syurga " .

Al-Waṣl dari perspektif ilmu balāghah juga tidak dibincangkan secara terperinci oleh para ulama. Istilah *Al-Waṣl* ini walaupun telah disebut oleh Al-Jāḥiẓ sejak pertengahan kurun ke dua hijrah lagi (sekitar 150 h – 200 h) tetapi definisi tentangnya muncul selepas itu iaitu pada zaman Al-Jurjānīy (Munīr Sultān : 1983 , 29 , Aḥmad Muṣṭafā Al-Marāghīy : 1992 , 148).

Menurut Al-Jurjānīy *Al-Waṣl* bermaksud : **Penyambungan antara ayat-ayat secara tepat termasuk memilih huruf 'aṭaf yang sesuai** (Al-Jurjānīy : 1989 , 223).

Setelah memahami secara jelas definisi *Al-Faṣl* dan *Al-Waṣl* , maka kita perlu memahami beberapa lagi perkara yang berkaitan rapat dengan topik ini yang akan diuraikan pada bahagian berikut .

3.3 Perkara-perkara Asas Yang Berkaitan Dengan *Al-Faṣl* Dan *Al-Waṣl*

Sebelum berbincang lebih mendalam berkenaan *Al-Faṣl* dan *Al-Waṣl* , ada baiknya kita melihat perkara-perkara di bawah yang mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan topik perbincangan kita .

3.3.1 Perkataan Atau *Al-Mufradāt*

Di dalam bahasa Arab, apabila kita menyebut beberapa *ṣifāt* (الصِّفَاتُ)

kepada sesuatu, kita tidak menggunakan huruf 'aṭaf, sebagai contoh :

يُعْجِبُنِي الطَّالِبُ الْمُجْتَهِدُ السَّخِيُّ الذَّكِيُّ

Maksudnya : "Saya kagum dengan pelajar itu yang rajin, pemurah lagi cerdik itu "

Ṣifāt (الذَّكِيُّ ، السَّخِيُّ ، الْمُجْتَهِدُ) tidak dihubungkan dengan huruf 'aṭaf

(الرَّاؤُ) , sebaliknya tanpa 'aṭaf .

Tetapi tidak dinafikan perlu kita mendatangkan huruf 'aṭaf (الرَّاؤُ) jika

ada keperluan seperti firman Allah s.w.t dalam ayat dibawah ini :

التَّائِبُونَ الْعَابِدُونَ الْحَامِدُونَ السَّائِحُونَ الرَّاكِعُونَ السَّاجِدُونَ الْآمِرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَ النَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ (التوبة : ١١٢)

Maksudnya : "(Mereka itu ialah): orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara (untuk menuntut ilmu dan mengembangkan Islam), yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan," (Al-Taubah : 112)

Perkataan-perkataan tersebut semuanya tidak diselangi dengan huruf

(الآمِرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَالتَّاهُونَ (الْوَاوُ). Tetapi dibahagian akhir

(عَنِ الْمُنْكَرِ) di letakkan huruf 'aṭaf (الْوَاوُ) kerana perbezaan kedua-duanya;

yang pertama menyeru kepada ma'rūf dan kedua mencegah kemungkaran .

Oleh itu , perlu dibezakan antara keduanya dan perlu disertakan dengan

huruf al-wāw .

Bagi penggunaan huruf 'aṭaf al-wāw dalam ayat yang lain pula ialah :

عَسَىٰ رَبُّهُ إِنِ طَلَّقَنَّ أَنْ يُبَدِّلَهُ أَزْوَاجًا خَيْرًا مِنْكَ مُسْلِمَاتٍ مُّؤْمِنَاتٍ قَانِتَاتٍ

تَائِبَاتٍ عَابِدَاتٍ سَائِحَاتٍ ثَيِّبَاتٍ وَأَبْكَارًا (التَّحْرِيمِ : ٥)

Di dalam ayat ini , perkataan مُسْلِمَاتٍ hingga ثَيِّبَاتٍ, itu tidak

diselangi dengan huruf 'aṭaf al-wāw kecuali antara (ثَيِّبَاتٍ وَأَبْكَارًا), barulah

didatangkan dengan huruf 'aṭaf al-wāw itu. (Abū Ḥayyān : t.t , 21 / 134) . Ini

di sebabkan perbezaan yang cukup jelas antara (ثَيِّبَاتٍ) dengan (أَبْكَارًا)

itu sendiri, (ثَيِّبَاتٍ) bererti janda-janda , sedangkan (أَبْكَارًا) adalah anak-

anak dara .

3.3.2 Larangan Memisahkan Antara *Tābi'* (تَابِعٌ) Dan *Matbū'* (مَتَّبِعٌ) Dengan Huruf *Al-Wāw* Sama Ada Pada *Al-ṣifāt* (الصِّفَاتُ) , *Al-tawkid* (التَّوَكِيدُ) , *Al-badal* (الْبَدَلُ) Dan *'Aṭaf* *Al-bayān* (عَطْفُ الْبَيَانِ)

Contohnya :

1. (صِفَةٌ) يُعْجِبُنِي الطَّالِبُ الْمُجْتَهِدُ

Maksudnya : Saya kagum dengan pelajar yang rajin itu .

2. (تَوْكِيدٌ) جَاءَ الْأَسْتَاذُ نَفْسُهُ

Maksudnya : Guru itu telah datang sendiri .

3. (بَدَلٌ) أَعْجَبْتَنِي الْفَتَاةَ عَفَّتْهَا

Maksudnya : Saya kagum dengan gadis itu , penjagaan dirinya.

4. (عَطْفُ بَيَانٍ) رَحِمَ اللَّهُ أَبَا حَفْصٍ عُمَرَ

Maksudnya : Semoga Allah merahmati ayah kepada Hafsah , Umar .

Penjelasan :

Dalam contoh-contoh yang diberikan di atas *tābi'* dan *matbū'* yang dimaksudkan ialah *ṣifaṭ* (الصِّفَاتُ) dan *mauṣūf* (المَوْصُوفُ) bagi contoh yang pertama , *taukid* (التَّوَكِيدُ) dan *mu'kkad* (المُكَّادُ) bagi contoh yang kedua ,

badal (عَفْتَهَا) dan *mubdal minh* (الْفَتَاةُ) bagi contoh yang ketiga, 'aṭaf bayān (عَمْرُ) serta *mubdal minh* (أَبَا حَفْصٍ) bagi contoh yang keempat .

Semua perkataan yang merujuk kepada *tabi'* dan *matbū'* itu tidak boleh dipisahkan dengan sebarang *fāṣil* (فَاصِلٌ) ataupun pemisah termasuklah huruf 'aṭaf al-wāw kerana keduanya mempunyai kaitan yang sangat rapat . *Tābi'* berperanan menjelaskan *matbū'* .

Bagi contoh yang pertama , *ṣifaṭ* rajin menjelaskan keadaan *mauṣūf* iaitu pelajar . Dalam contoh yang kedua pula 'sendiri' yang merupakan *taukīd* menjelaskan hal guru yang merupakan *mu`akkad* . Dalam contoh yang ketiga pula 'pejagaan diri' yang menjadi *badal* menjelaskan apakah aspek yang dikagumi pada *mubdal minh* iaitu gadis .

Menerusi contoh terakhir pula Saiyidina Umar r.a yang menjadi 'aṭaf bayān menjelaskan siapakah yang dimaksudkan dengan *Abā Ḥafṣ* . Jika tidak diikuti dengan penjelasan nama Saiyidina Umar r.a , berkemungkinan kita akan tertanya-tanya siapakah yang dimaksudkan itu .

3.3.3 Syarat-syarat Yang Diperlukan untuk 'Aṭaf

Penyambungan antara satu ayat dengan yang lain memerlukan dua syarat yang berikut :

1. *Al-Taghāyur* (التَغَايُرُ) iaitu perbezaan .

2. *Al-Tasyrīk* atau *Al-Jāmi'* (التَّشْرِيكُ / الجَمَاعُ) iaitu perkaitan ataupun perkongsian .

Al-Taghāyur bermaksud kita mengatafkan sesuatu perkataan dengan perkataan yang lain dalam keadaan kedua perkataan itu mestilah berbeza .

Contohnya ialah ayat :

نَجَّحَتْ فَاطِمَةُ وَسُعَادُ

Maksudnya : Fāṭimah dan Su'ād telah berjaya .

Penggunaan *al-wāw* di sini adalah menepati perkara di atas kerana Fāṭimah bukannya Su'ād . Kedua mereka adalah insan yang berbeza .

Al-Tasyrīk (التَّشْرِيكُ) pula ialah sesuatu perkataan yang diafkan

dengan perkataan lain hendaklah mempunyai persamaan tertentu . Dalam contoh di atas, perkaitan adalah pada sudut kejayaan yang sama-sama dikecapi oleh Fāṭimah dan Su'ād .

Demikian juga firman Allah dalam surat Al-Ḥadīd ayat 3 :

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (الْحَدِيدُ : ٣)

Maksudnya: "Dialah Yang Awal dan Yang Akhir, dan Yang Zahir serta Yang Batin; dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu". (*Al-Hadīd* : 3).

Dalam contoh di atas sifat-sifat Allah s.w.t *الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ* itu diaʿtaf kan dengan *al-wāw* kerana menepati kedua syarat *al-taghāyur* dan *al-tasyrīk* .

Al-taghāyur yang dimaksudkan ialah perbezaan yang ada dari sudut maksud antara semua sifat yang disebutkan .Yang Pertama (*الأوَّل*) tentunya berbeza dari Yang Terakhir (*الآخِرُ*) . Sifat Yang Zahir tentunya berlainan dari Yang Batin (*الباطِن*) .

Jika ayat di atas tidak mengandungi huruf *aʿtaf al-wāw* sudah tentulah pembaca akan mengatakan bahawa Al-Quran mengandungi perkara-perkara yang bertentangan dengan akal manusia iaitulah berhimpunnya sifat-sifat yang berlawanan dalam sesuatu ayat (*Al-Zamahsyariy* : 1995 , 4 / 460).

Walaupun demikian sifat-sifat dalam ayat di atas tetap mempunyai perkaitan (*التشريك*) dari sudut kesemuanya merupakan sifat-sifat Allah s.w.t .

Jadi dalam keadaan seperti ayat ini , perlulah diʿatafkan antara sifat-sifat Allah itu dengan huruf *al-wāw* kerana menepati kedua syarat yang telah disebutkan.

Contoh yang lain pula yang menunjukkan *al-taghāyur* dan *al-tasyrik* ialah firman Allah dalam surat Al-Aḥzāb ayat 35 :

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَاشِعِينَ وَالْخَاشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّائِمِينَ وَالصَّائِمَاتِ وَالْحَافِظِينَ فُرُوجَهُمْ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا
(الأحزاب: ٣٥)

Maksudnya : "Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam **dan** orang-orang perempuan yang Islam, **dan** orang-orang lelaki yang beriman **dan** orang-orang perempuan yang beriman, **dan** orang-orang lelaki yang taat **dan** orang-orang perempuan yang taat, **dan** orang-orang lelaki yang benar **dan** orang-orang perempuan yang benar, **dan** orang-orang lelaki yang sabar **dan** orang-orang perempuan yang sabar, **dan** orang-orang lelaki yang merendahkan diri (kepada Allah) **dan** orang-orang perempuan yang merendahkan diri (kepada Allah), **dan** orang-orang lelaki yang bersedekah **dan** orang-orang perempuan yang bersedekah, **dan** orang-orang lelaki yang berpuasa **dan** orang-orang perempuan yang berpuasa, **dan** orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya **dan** orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, **dan** orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak **dan** orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar". (Al-Aḥzāb : 35)

Dalam ayat yang panjang ini perlu di'atafkan dengan huruf *al-wāw* antara perkataan-perkataan itu kerana menepati kedua syarat *al-taghāyur* dan *al-tasyrīk* . Contohnya perkataan *المُسْلِمِينَ* dan *المُسْلِمَاتُ* pada permulaan ayat berbeza dari sudut jantina. Namun begitu kedua kalimat ini mempunyai kaitan dari sudut agama yang dianuti iaitu Islam . Demikian juga halnya dengan sifat-sifat berikutnya seperti kesabaran , pemurah , mengingati Allah dan lain-lain yang turut disebut dalam ayat ini (Al-Rāziy :1985 , 13 / 211 - 212).

Manakala bagi contoh ayat di bawah ini pula penggunaan *al-wāw* adalah tidak sesuai sama sekali :

جَاءَ مُحَمَّدٌ وَرَبُّهُ فِي السَّيَّارَةِ

Maksudnya : Muḥammad dan kereta telah datang .

Penggunaan huruf 'aṭaf *al-wāw* dalam ayat ini tidak tepat kerana مُحَمَّدٌ tidak sama dengan السَّيَّارَةِ . Jadi syarat *al-tasyrīk* atau *al-jāmi'* / الجامعُ

التشريكُ tidak terdapat dalam ayat ini , kerana perbuatan 'telah datang'

(جَاءَ) tidak boleh dikongsi antara Muḥammad dan kereta .

3.3.4 Penyambungan (عطف) Ayat-ayat Hanya Melibatkan Huruf

Al-Wāw

Huruf-huruf 'aṭaf yang disebut oleh ahli bahasa biasanya mempunyai makna yang tersirat di samping peranannya sebagai huruf 'aṭaf . Huruf *Fā'*

(الفَاء) contohnya digunakan dalam ayat yang membawa maksud selepas atau berturut (التَّعْقِيبُ) di samping ada unsur-unsur penanguhan yang tidak begitu lama (التَّرَاقِي) (Al-Ḥasan Al-Murādiy : 1992 , 62 , Imīl Badī' Yaaqūb : 1995 , 308 , Muṣṭafā Al-Ghalāyīniy : 1998 , 3 / 245) .

Contohnya ayat :

جَاءَ عَلِيٌّ فَسَعِيدٌ .

Maksudnya : Telah datang Ali kemudian Sa'id .

Huruf Fā' (الفَاء) dalam ayat ini mengandungi maksud سَعِيدٌ datang selepas عَلِيٌّ dalam masa yang tidak begitu lama (بِلَامُهْلَةٍ بَيْنَ مَجِيئِهِمَا) . (Muṣṭafā Al-Ghalāyīniy : 1998 , 3 / 245) .

Demikian juga dengan huruf-huruf 'aṭaf yang lain. Semuanya mengandungi erti yang tersendiri di samping digunakan untuk penyambungan ayat .

Ini berbeza dengan huruf 'arwā (الرَّوْ) yang tidak mempunyai sesuatu maksud yang tersirat . Ia hanya memainkan peranan menyambungkan sesuatu perkataan dengan perkataan yang lain tanpa ada sesuatu di sebaliknya . (Al-Jurjāniy : 1989 , 224 , Al-Qazwīniy : 1995 , 89)

Contohnya ialah ayat : . جَاءَ عَلِيٌّ وَ خَالِدٌ

Maksudnya : 'Alī dan Khālīd telah datang .

Dalam ayat di atas , 'Alī dan Khālīd sama dari sudut kedatangan dan hukum *al-i'rāb* . Muṣṭafā Al-Ghalāyīnīy menyebut yang bermaksud :

" Jika anda menyebut *جَاءَ عَلِيٌّ وَخَالِدٌ* , ertinya kedua-dua mereka

sama dari sudut kedatangan , samada yang datang dahulu ialah 'Alī atau Khālīd atau sebaliknya , atau kedua-duanya datang pada satu masa , ataupun terdapat perbezaan jarak masa antara kedatangan kedua mereka ataupun tidak" (Muṣṭafā Al-Ghalāyīnīy : 1998 , 3 / 245) .

3.3.5 Pembahagian Ayat-ayat Dalam Bahasa Arab

Ayat ataupun *al-jumlat* (*الجملة*) dalam bahasa Arab terbahagi kepada

dua , iaitu :

1 . Ayat yang boleh di*i'rāb*kan (*جُمْلَةٌ لَهَا مَحَلٌّ مِنَ الْإِعْرَابِ*) .

2 . Ayat yang tidak boleh di*i'rāb*kan (*جُمْلَةٌ لَيْسَ لَهَا مَحَلٌّ مِنَ الْإِعْرَابِ*)

Perbezaan antara dua jenis ayat di atas ialah ayat yang mempunyai tempat *i'rāb* (*جُمْلَةٌ لَهَا مَحَلٌّ مِنَ الْإِعْرَابِ*) boleh mengambil tempat sesuatu

perkataan yang lain (*مفرد*) sebagai contohnya , cuba kita perhatikan ayat :

أَبْصُرْتُ الشَّمْسَ تَغْرُبُ boleh ditukar kepada : *أَبْصُرْتُ الشَّمْسَ غَارِبَةً* .

Perbezaan antara ayat yang pertama *أَبْصَرْتُ الشَّمْسَ تَغْرُبُ* yang bermaksud , saya melihat matahari sedang terbenam (dalam keadaan) , dengan ayat kedua *أَبْصَرْتُ الشَّمْسَ غَارِبَةً* yang bermaksud , saya melihat matahari dalam keadaan terbenam ialah *تَغْرُبُ* merupakan *jumlat ḥāliyyat* , sedangkan *غَارِبَةً* adalah *ḥāl mufrad* . Jadi *ḥāl mufrad* *غَارِبَةً* telah mengambil tempat *jumlat ḥāliyyat* *تَغْرُبُ* .

Demikian juga contoh ayat yang menduduki tempat sebagai *khavar* (*الْحُمْلَةُ الْوَاقِعَةُ خَبْرًا*) , contohnya : *مُنِيرٌ هُوَ الْمِصْبَاحُ ضَوْءُهُ* yang bermaksud lampu itu , cahayanya menerangi . *Al-jumlat* *مُنِيرٌ هُوَ الْمِصْبَاحُ ضَوْءُهُ* yang merupakan predikat atau *khavar* (*خَبْرٌ*) itu boleh ditukarkan menjadi *khavar mufrad* iaitu *Khavar* atau predikat ayat di atas kini telah berubah dari *khavar jumlat* kepada *khavar mufrad* .

Ini berbeza dengan ayat yang tidak ada tempat *i'rāb* yang dipanggil sebagai (*جُمْلٌ لَيْسَ لَهَا مَحَلٌّ مِنَ الْإِعْرَابِ*) yang tidak boleh digantikan dengan sesuatu perkataan *mufrad* yang lain .

Al-Jurjānīy menyebut di dalam *Dafā'il al-l'jāz* :

حُكْمُهُ حُكْمُ الْمُفْرَدِ : لِذَلِكَ يَكُونُ فِي الْعَطْفِ إِذَا أَرَدْتَ التَّشْرِيكَ ، وَيَكُونُ هَذَا الْعَطْفُ مِنْ بَابِ عَطْفِ الْمُفْرَدِ عَلَى الْمُفْرَدِ .

Maksudnya : Ayat yang termasuk di dalam kategori *lahā maḥal min al l'rāb* serupa dengan sesuatu perkataan mufrad , ia boleh di'aṭfkan jika anda ingin sertakan atau tasyrīkkan (التَّشْرِيكَ) ayat itu dengan ayat yang sebelumnya dari sudut *l'rāb* . (Al-Jurjānīy : 1989 , 226)

Al-Faṣl dan *Al-Waṣl* berkait juga dengan ayat-ayat dari kategori yang kedua iaitu (جُمْلٌ لَيْسَ لَهَا مَحَلٌّ مِنَ الْإِعْرَابِ) kerana di dalam kategori pertama kita meletakkan huruf 'aṭaf (الواو) jika kita inginkan penyertaan (التَّشْرِيكَ) dan ini termasuk di dalam kategori yang dipanggil dalam bahasa Arab (عَطْفُ الْمُفْرَدِ عَلَى الْمُفْرَدِ) . Sebagai contohnya dalam ayat :

مَرَرْتُ بِرَجُلٍ خُلُقُهُ طَيِّبٌ وَخُلُقُهُ قَبِيحٌ

Maksudnya : Saya lalu di hadapan seorang lelaki yang baik akhlaknya dan (tetapi) buruk rupanya .

Jadi خُلُقُهُ قَبِيحٌ yang bermaksud 'buruk rupanya' diaṭfkan kepada خُلُقُهُ

طَيِّبٌ yang bermaksud 'elok akhlaknya' . Bahagian pertama ayat ini iaitu

خُلُقُهُ طَيِّبٌ dari sudut *l'rāb* menduduki tempat *ṣifat* (صِفَةٌ) . Jadi ia

mempunyai tempat *l'rāb* (لَهَا مَحَلٌّ مِنَ الْإِعْرَابِ). Jika kita mahu sertakan (التَّشْرِيكَ) antara ayat kedua dengan ayat pertama, maka kita perlu mendatangkan huruf *'aṭaf al-wāw* (الْوَاوُ), kerana kita sedang menceritakan tentang seseorang yang mempunyai dua *ṣifāt*.

Selain dari itu, huruf *'aṭaf al-Wāw* (الْوَاوُ) perlu dalam 2 situasi di bawah :

1. Jika terdapat unsur-unsur pertentangan .
2. Ayat menjadi tidak sempurna tanpa huruf *'aṭaf al-wāw* .

Contoh untuk yang pertama ialah ayat :

هُوَ يُعْطِي وَيَمْنَعُ

Bermaksud : Dia mampu memberi dan menghalang pemberian .

Apa yang hendak kita sampaikan ialah kuasa memberi dan tidak, berada di bawah kuasanya .

Untuk contoh kedua pula ialah ayat itu tidak akan sampai kepada natijah yang dikehendaki tanpa disertakan huruf *aṭaf al-wāw* dalam ayat itu .

Contohnya seperti : عَجِبْتُ مِنْهُ أَنَّنِي أَحْسَنُ إِلَيْهِ وَ يُسِيءُ إِلَيَّ .

Maksudnya : Saya rasa hairan dengannya, saya berbuat baik kepadanya dan (tetapi) dia balas buruk kepada saya .

Memang tidak dinafikan dalam bahasa Melayu penggunaan 'tetapi' tidak menyebabkan sebarang komplikasi tetapi sebenarnya dalam bahasa Arab huruf *al-wāw* di sini perlu digunakan kerana ia sangat penting untuk membawa maksud 'tetapi' itu .

Penyair Arab berkata :

أَمِنَ الْعَدْلُ أَنَّهُمْ يُطْلِقُونَ نَ الْأَسَدَ مِنْهُمْ وَأَنْ تُقَيَّدَ أُسْدِي
أَمِنَ الْحَقُّ أَنَّهُمْ يَرُدُّونَ الْمَاءَ ءَ صَفْوًا وَأَنْ يُعْكَرَ وَرِدِّي

Maksudnya :

"Adakah patut mereka membebaskan singa (panglima mereka) dan (sedangkan) singa-singa kami (panglima-panglima kami) diikat , "

"Adakah patut mereka meminum air yang bersih dan (sedangkan) air minum kami dikotorkan ."

Rangkap sajak ini didatangkan dengan huruf *aṭaf al-wāw* agar maknanya tidak tergantung . Contoh di atas adalah dalam kategori (الجُمْلَةُ لَهَا مَحَلٌّ مِنَ الْإِعْرَابِ) .

Namun demikian terdapat ayat yang diaṭafkan dengan ayat yang lain dalam keadaan tiada sebarang kaitan antara keduanya . Contohnya ialah :

إِنَّ الْحَافِظَ شَاعِرٌ وَرُوسِيَا غَزَتْ بِلَادَ الشَّيْثَانِ .

Maksudnya : Ḥāfiẓ adalah seorang ahli sajak dan Rusia menyerang Chechnya .

Tiada kaitan langsung antara dua ayat yang disebutkan . Itulah sebabnya mengapa penyair Arab Abū Tammām dikritik akibat kata-katanya dalam satu rangkap sajak :

لَا وَالَّذِي هُوَ عَالِمٌ أُنَّ التَّوَى

صَبِيرٌ وَأَنَّ أَبَا الْحُسَيْنِ كَرِيمٌ

Maksudnya : ‘Demi bahawa dia yang mengetahui berjauhan perlukan kesabaran dan Abu al-Ḥusīn adalah seorang yang pemurah.’

Bagaimana harus diaʿtafkan antara kedua ayat kepahitan perpisahan

(مَرَارَةُ الْفِرَاقِ) dan sikap pemurah Abū Ḥusīn (كَرَمٌ أَبِي الْحُسَيْنِ). Apakah

rahsia di sebalik mendatangkan huruf aʿtaf (الْوَاوُ) dalam rangkap sajak di

atas sedangkan tidak ada sebarang kaitan langsung antara keduanya.

(لا مُنَاسَبَةَ مِنْ قَرِيبٍ أَوْ بَعِيدٍ). (Al-Khaṭīb Al-Qazwīnī : 1995 , 93- 94)

Dalam situasi seperti ini ‘aʿtaf dengan huruf wāw dianggap tidak elok

(قَبِيحٌ). Kesimpulannya , ialah bagi keadaan (لَهَا مَحَلٌّ مِنَ الْإِعْرَابِ) tiada

sebarang komplikasi langsung . Kadangkala ‘aʿtaf adalah baik (يُسْتَحْسَنُ) ,

sementara pada setengah keadaan bila tiada kaitan ia dianggap buruk

(قَبِيحٌ). Ini berbeza apabila kita berbincang tentang ayat yang tiada tempat

(لَيْسَ لَهَا مَحَلٌّ مِنَ الْإِعْرَابِ) iʿrāb .

3.4 Keadaan-keadaan Ayat Dalam Bahasa Arab

Dalam bahasa Arab terdapat tiga keadaan ayat seperti yang berikut :

1. Keadaan ayat berbeza antara satu dengan yang lain . Dalam sesetengah situasi , ayat kedua seolah-olah sama dengan yang pertama dari segi maksud yang dibawa (اشْتَرَاكَ فِي الْمَعْنَى) . Ayat kedua tidaklah terasing dari yang pertama (ada kaitan) . Contohnya seperti :

إِنَّهُ مُسْلِمٌ ، إِنَّهُ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ

Maksudnya : Dia muslim , dia beriman dengan Allah.

2. Pada masa yang lain ayat kedua bertentangan dengan ayat yang pertama atau tiada sebarang kaitan antara keduanya . Contohnya ialah ayat:

التَّحَوُّلَاتُ السِّيَاسِيَّةُ غَيْرُ مُتَوَقَّعَةٍ ، أَنَا أَكْتُبُ رِسَالَةً إِلَى أَخِي .

Maksudnya : Senario politik tidak dapat dijangka , saya menulis surat kepada adik lelaki saya .

Persoalannya sekarang ialah apakah kaitan antara suasana politik dengan surat ?

3. Dalam keadaan ketiga pula , terdapat pertentangan antara ayat pertama dengan ayat yang kedua tetapi apabila dilihat pula dari sudut yang lain , kita

akan dapati perkaitan (وَسَطٌ بَيْنَ التَّوَعَيْنِ السَّابِقَيْنِ). Contohnya ialah kata-kata

seseorang :

أَحْمَدُ شَوْقِي شَاعِرٌ وَ شَوْقِي ضَيْفٌ كَاتِبٌ .

Maksudnya ialah : Aḥmad Syauqī adalah penyajak dan Syauqī Daif adalah penulis .

Merujuk kepada ayat di atas kita dapati ayat ini berbeza dari satu sudut tetapi sama pada sudut yang lain . Maksud Aḥmad Syauqī sebagai penyajak adalah berlawanan dengan Syauqī Daif sebagai penulis tetapi minda kita tidak dapat menafikan kewujudan kaitan antara bidang sajak dengan bidang penulisan . Inilah yang dimaksudkan dengan *waṣṭ bain al-nau'ain al-sābiqain* tadi .

Kesimpulan yang dapat kita ambil di sini ialah , untuk menghubungkan antara dua ayat mestilah ada unsur perbezaan dan perkaitan atau dalam istilah ahli bahasa Arab dari kalangan *al-balāghiyūn* disebut *al-tagḥāyur* dan *al-tasyrīk* (التَّغَايُرُ وَ التَّشْرِيكُ). Inilah sebabnya mengapa dalam kedua-

dua ayat yang awal tadi kita tidak boleh menggunakan huruf *al-wāw* untuk menghubungkan antara kedua-dua bahagian ayat kerana ia tidak mempunyai syarat unsur perbezaan dari satu sudut dan perkaitan dari sudut yang lain itu .